

28 Ogos 2018 (Selasa)

Untung bersih Matrix Concept naik

Keuntungan bersih Matrix Concepts Holdings Bhd pada suku pertama berakhir 30 Jun 2018 meningkat 10.1 peratus kepada RM50.2 juta, berbanding RM45.6 juta pada suku yang sama 2017.

Perolehan melonjak 33.1 peratus kepada RM230 juta daripada RM172.9 juta bagi tempoh yang sama.

Dalam kenyataan semalam, pemaju perbandaran terkemuka Negeri Sembilan itu berkata,

peningkatan itu dipacu oleh perolehan lebih tinggi yang direalisasikan daripada projek yang sedang dibangunkan dengan nilai pembangunan kasar RM2.3 bilion.

Pengerusi, Datuk Mohamed Haslah Mohamed Amin, berkata permintaan terhadap harta tanah itu menyumbang kepada prestasi jualan sukuan yang paling kukuh direkodkan syarikat iaitu RM381.6 juta pada suku pertama tahun kewangan

2019, dengan kadar pembelian melebihi 80 peratus.

Dorongan prestasi

“Prestasi memberangsangkan itu mendorong kami menasarkan pelancaran baharu bernilai RM1.6 bilion pada tahun kewangan 2019, lebih tinggi daripada RM1.2 bilion pada tahun sebelum itu,” katanya.

Pada masa depan, syarikat gembira dengan pertumbuhan seterusnya bagi pelancaran

akan datang, yang juga projek pertama di bandar raya ini, iaitu pangsapuri berperkhidmatan Chambers Kuala Lumpur, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM310.6 juta.

Sementara itu, jualan yang belum dibilang Matrix Concepts meningkat kepada RM1.2 bilion setakat 30 Jun 2018 berbanding RM900 juta tahun lalu, menjadikan kebolehlilahan keuntungan yang kukuh sehingga 2020.

BERNAMA